

Oleh Mohd Hafizee
Mohd Arop
hafizee@nstp.com.my

Lubuk tiruan digempur

KPDNHEP Putrajaya serbu kilang proses kasut tiruan berjenama bernilai RM1.3 juta

Ipoh

Premis memproses kasut dan selipar disyaki tiruan pelbagai jenama di Kawasan Perindustrian Menglembu dan Kawasan Perindustrian Chandan Raya, di sini, diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, kelmarin.

Hasil serbuan berasingan bermula jam 11.30 pagi di dua premis berkenaan, penguat kuasa KPDNHEP merampas 27,103 kasut dan selipar disyaki tiruan pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM1.3 juta.

Ketua Seksyen Siasatan KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, serbuan dijalankan susulan risikan dijalankan pihaknya di kedua-dua lokasi selama dua minggu.

"Premis terbabit dijadikan tempat mengilang dan penyimpanan pelbagai jenis selipar serta ka-



PREMIS memproses kasut dan selipar tiruan pelbagai jenama di Kawasan Perindustrian Menglembu dan Kawasan Perindustrian Chandan Raya diserbu KPDNHEP Putrajaya.

sut berjenama yang disyaki tiruan.


"Kami turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun dipercayai pemilik premis ketika serbuan pertama untuk siasatan lanjut," katanya.

Shamsul

Nizam berkata, hasil siasatan awal produk disyaki tiruan itu dipercayai untuk pasaran di negeri di utara Semenanjung Malaysia.

Katanya, premis berkenaan dipercayai sudah beroperasi sejak lima tahun lalu dan pihaknya sedang menjalankan siasatan sama ada aktiviti itu dijalankan individu atau sindiket.

Menurutnya, barangan berkenaan disita dan kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Perihal Dagangan 2011 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barangan diletakkan perihal dagangan palsu dan bagi perbadanan tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barangan.



ANGGOTA KPDNHEP memeriksa premis kasut dan selipar tiruan yang diserbu.

Kasut dan selipar keluaran kilang terbabit dipercayai bagi pasaran utara tanah air

HARI : JUMAAT
TARIKH : 20/12/2019
M/SURAT : 28A